

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 29, 2019 4:21 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Prihatin Dengan Kebajikan Staf



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 MEI 2019 / 24 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM PRIHATIN DENGAN KEBAJIKAN STAF



UUM ONLINE: "UUM telah banyak membantu dalam meringankan bebanan yang ditanggung staf termasuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada semua staf dalam pelbagai aspek.

"Justeru, saya berharap semua staf universiti ini dapat bersama-sama mendoakan UUM untuk terus cemerlang dan berjaya pada masa hadapan kerana universiti ini adalah tempat kita mencari rezeki," kata Ketua Penolong Pendaftar Kanan, Mohd Zulkifli Mohd Noor dari Jabatan Pendaftar pada Majlis Penyerahan Zakat Staf UUM di Pusat Islam, semalam.

Beliau berkata, setiap tahun terutama menjelang Aidilfitri, UUM akan memberi sumbangan zakat kepada golongan asnaf terdiri staf universiti.

Menurutnya, UUM berusaha mendapatkan sumbangan zakat melalui Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan yang memperoleh dana zakat tersebut daripada pihak luar dan juga Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Seramai 110 staf UUM yang berkecualan telah dipilih bagi menerima sumbangan zakat bagi kategori orang kelainan upaya (OKU), anak bersekolah dan juga sakit.

Pada majlis itu, turut diadakan sesi taklimat dan tazkirah tentang zakat yang disampaikan Pengurus Bahagian Pengurusan Zakat, Wakaf dan Endowmen, Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan, Dr. Mohd Murshid Mohd Noor.

Kata beliau, dana zakat yang diterima UUM akan diagihkan kepada rumah anak yatim, pelajar (70 peratus), staf (20 peratus), komuniti luar (5 peratus) dan agensi (5 peratus).

"20 peratus daripada peruntukan zakat kepada staf ini pula dibahagikan kepada bantuan persekolahan sebanyak 80 peratus dan 20 peratus lagi adalah bantuan perubatan," katanya.

Penyerahan replika cek sumbangan zakat telah disampaikan kepada wakil staf iaitu Che Senu Ahmad (kategori anak bersekolah); Ibrahim Talib (kategori OKU) dan Rizalman Md Salleh (kategori sakit).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.